



KIT STAF

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Johor

KATA-KATA ALUAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Malaysia Madani
Salam Maju Johor
Salam UiTM DiHatiku
Salam Keluarga UiTM Johor
Kampus Simfoni Alam



Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi dengan limpahan rahmatNya kepada warga UiTM Cawangan Johor. Atas inisiatif Timbalan Pendaftar Kanan yang baru bersama dengan ahli jawatankuasanya, kini warga UiTM Cawangan Johor telah boleh memiliki "Kit Staf UiTM Cawangan Johor" yang telah dikompilasi sebegini untuk kemudahan staf.

Setiap staf yang telah dan akan melapor diri pastinya memerlukan banyak informasi untuk menjalankan tugas serta merangka perkembangan kerjaya untuk masa depan. Dengan adanya Kit Staf ini, akan menjadi mudahlah urusan. Di dalam sektor awam seperti UiTM ini, banyak proses yang perlu dilalui sebelum pelaksanaan boleh berlaku. Maka, dengan panduan yang lengkap seperti ini, pekerjaan dan proses akan lebih mudah dan lancar kerana dapat dilaksanakan mengikut peraturan yang sedia ada.

Saya amat berharap, dengan adanya Kit Staf UiTM Cawangan Johor ini, semua staf akan lebih maklum dalam semua perkara yang melibatkan diri mereka. Tidak ada staf yang patut memberi alasan tidak tahu kerana panduan yang lengkap telah disediakan.

Akhir kata, gunakanlah Kit Staf ini sebaik-baiknya bagi memudahkan urusan dan mengelakkan perkara yang boleh memudaratkan diri. Jadilah staf yang berinformasi dan semoga semua memperoleh manfaat daripadanya, Insyaa Allah.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

PROF. MADYA DR. SAUNAH ZAINON
Rektor

KATA-KATA ALUAN
PENASIHAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Malaysia Madani
Salam Maju Johor
Salam UiTM DiHatiku
Salam Keluarga UiTM Johor
Kampus Simfoni Alam



Alhamdulillah, pertama sekali ingin saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-NYA kita berjaya menyiapkan Kit Staf UiTM Cawangan Johor yang bakal menjadi manfaat kepada seluruh warga kerja UiTM Cawangan Johor terutama sekali bagi staf baharu. Maklumat terperinci dan tepat yang terkandung di dalam Kit Staf UiTM Cawangan Johor ini amat penting untuk disampaikan kepada seluruh warga agar dapat menjadi panduan terutama bagi staf baharu selain menjadi rujukan buat semua staf sedia ada.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah buat seluruh Ahli Jawatankuasa Kit Staf UiTM Cawangan Johor yang telah bertungkus lumus sejak pertengahan bulan Mei 2023 dalam mengumpul semua maklumat, merekaletak, menyumbang buah fikiran selain menyumbang kepakaran masing-masing bagi menjayakan projek ini yang saya percaya bakal menjadi ladang pahala buat semua yang terlibat selama mana buku ini masih digunakan oleh semua staf.

Akhir kalam, semoga dengan adanya Kit Staf UiTM Cawangan Johor ini akan dapat memudahkan urusan semua staf dalam mencari maklumat berkaitan perkhidmatan selain boleh menjadi panduan sepanjang perjalanan kerjaya semua.

Sekian, terima kasih dan selamat bertugas.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Faizul', followed by a horizontal line and a period.

MOHAMAD FAIZUL MOHD RUSLAN
Timbalan Pendaftar Kanan

ISI KANDUNGAN


PENGENALAN	1
SEJARAH UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT	1
SEJARAH UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG	3
NILAI UNIVERSITI	4 - 5
TADBIR URUS	6
PENGURUSAN LAPOR DIRI	7-8
PAKAIAN SEMASA BEKERJA	9-12
SISTEM-SISTEM DI UiTM	13-25
PENGURUSAN PELANTIKAN	26-27
TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	27
BANTUAN SARA HIDUP/COLA	27-28
PENGURUSAN DISIPLIN	29-33
PENGURUSAN PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	35-39
KENAIKAN PANGKAT DAN PELETAKAN JAWATAN	40
CUTI STAF	41-43
PENGURUSAN LATIHAN	44-46
SKIM PINJAMAN / PEMBIAYAAN	47-48
KEMUDAHAN PERUBATAN / SARA UBAT	49- 50
KEMUDAHAN TAMBANG EHSAN	51
BANTUAN DAN SUBSIDI STAF	50- 52
ELAUN DAN TUNTUTAN	53-59
INFORMASI BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK	57-71
INFORMASI BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI	72-78
KESATUAN SEKERJA DAN PERSATUAN	79

PENGENALAN

Buku panduan ini disediakan oleh Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor untuk menerangkan syarat-syarat perkhidmatan staf, hal ehwal pengurusan sumber manusia, kemudahan dan ganjaran yang disediakan oleh Universiti serta perancangan pembangunan staf dan kerjaya. Diharapkan dengan adanya buku panduan ini ianya dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisma, disiplin, etika kerja dan imej staf dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan oleh UiTM Cawangan Johor.

Maklumat yang terkandung di dalam Buku Panduan ini berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Staf Perkhidmatan Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan Pekeliling-pekeliling dan dokumen yang terpakai pada tarikh penerbitan buku ini.

SEJARAH UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT



SEJARAH UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

UiTM Cawangan Johor melakar sejarah di negeri Johor Darul Ta'zim ini pada tahun 1983. Kampus pertamanya di Bukit Siput telah dirasmikan pembukaannya oleh Dato' Abd. Ajib bin Ahmad, Menteri Besar Johor pada ketika itu. Atas keperluan yang kian berganda, lokasi UiTM Johor berpindah ke bangunan yang lebih besar dan selesa iaitu di Segamat Baru pada tahun 1985. Pada tahun 1990, UiTM Cawangan Johor telah tersergam indah di KM12, Jalan Muar-Segamat di atas tanah kurniaan pemerintah negeri. Di sini, UiTM Cawangan Johor telah berkembang pesat dengan memenuhi tanggungjawab sebagai kampus UiTM Negeri. Kampus Segamat ini menempatkan empat (4) buah fakulti iaitu Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Sains Komputer & Matematik. UiTM Cawangan Johor juga mempunyai sebuah kampus ke-2 yang terletak di Bandar Seri Alam, Pasir Gudang dan dikenali sebagai Kampus Pasir Gudang. UiTM Cawangan Johor kini dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur pengajaran & pembelajaran serta kemudahan riadah dan rekreasi yang menjadikannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang disegani. Yang pasti, UiTM Cawangan Johor akan berterusan menempa nama gemilang sebagai bukti keluhuran budi dan kemurnian jati diri anak bangsa dan pertiwi.

SENARAI PROGRAM-PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DI KAMPUS SEGAMAT

BA002/ BA003	- Pra Diploma Perdagangan
AC110	- Diploma Perakaunan
BA111	- Diploma Pengajian Perniagaan
BA114	- Diploma Analisis Pelaburan
BA119	- Diploma Pengajian Perbankan
CS110	- Diploma Sains Komputer
CS143	- Diploma Sains Matematik
IM110	- Diploma Pengurusan Maklumat
LG120	- Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional
BA242	- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan
BA249	- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Perbankan Islam
BA251	- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Pelaburan
BA240	- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pemasaran
IM246	- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (K) Pengurusan Rekod
AC220	- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)
BA252	- Ijazah Sarjana Muda Pemasaran Digital (Kepujian)
BA750	- Masters Of Science (Business Management)
AC750	- Masters Of Science (Accountancy)
AR751	- Master Of Science (Islamic Finance & Muamalat)
AR752	- Master Of Science (Financial Criminology)
CS750	- Masters Of Science (Computer Science)
CS751	- Masters Of Science (Information Technology)
CS752	- Masters Of Science (Mathematics)
CS753	- Masters Of Science (Statistics)
IM750	- Masters Of Science (Information Management)
LG750	- Masters In Applied Language Studies
IC780	- Masters In Contemporary Islamic Studies
AA901	- Doctor Of Business Administration (DBA)
BA950	- Doctor Of Philosophy (Business Management)
AC950	- Doctor Of Philosophy Of Accountancy
AR951	- Doctor Of Philosophy (Islamic Finance & Muamalat)
AR952	- Doctor Of Philosophy (Financial Criminology)
CS950	- Doctor Of Philosophy (Computer Science)
CS951	- Doctor Of Philosophy (Information Technology)
CS952	- Doctor Of Philosophy (Mathematics)
LG950	- Doctor Of Philosophy (Applied Language Studies)
IC990	- Doctor Of Philosophy In Contemporary Islamic Studies



SEJARAH UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG

UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang bermula bertapak di Larkin dan dikenali sebagai Kampus Bandaraya Johor Bahru pada Julai 2007. Kursus yang ditawarkan adalah DBS, DIB dan DIA dengan jumlah pelajar seramai 96 orang.


Setelah beroperasi selama lebih kurang tujuh tahun, Kampus Bandaraya Johor Bahru menamatkan operasinya pada 30 April 2014 dan berpindah ke kampus tetap Pasir Gudang dan mula beroperasi pada 1 Mei 2014.



KAMPUS PASIR GUDANG

PD007/ PD008	- Pra Diploma Sains
AS002/AS003	- Pra Diploma Sains (Aliran STEM C & Sastera)
BA117	- Diploma Pengajian Perniagaan (Pengangkutan)
CEEC110/EC110	- Diploma Kejuruteraan Awam
CEEE111/EE111	- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
CEEE112/EE112	- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuala)
CEEH110/EH110	- Diploma Kejuruteraan Kimia
CEEM110/EM110	- Diploma Kejuruteraan Mekanikal
AC220	- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)
AM228	- Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran (Kepujian)
BA240	- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pemasaran
BA242	- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan
AA701	- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Eksekutif)
BA750	- Masters Of Science (Business Management)
AC750	- Masters Of Science (Accountancy)
CS750	- Masters Of Science (Computer Science)
CS751	- Masters Of Science (Information Technology)
CS752	- Masters Of Science (Mathematics)
CS753	- Masters Of Science (Statistics)
LG750	- Masters In Applied Language Studies
IC780	- Masters In Contemporary Islamic Studies
AS756	- Masters Of Science (Chemistry)
AS757	- Masters Of Science (Applied Chemistry)
AS758	- Masters Of Science (Environmental Science And Technology)
AS759	- Masters Of Science (Physics)
AS760	- Masters Of Science (Applied Physics)
AS761	- Masters Of Science (Polymer Science And Technology)
AS762	- Masters Of Science (Material Science And Technology)
CEEC750	- Masters Of Science (Civil Engineering)
CEEE750	- Masters Of Science (Electrical Engineering)
CEEH750	- Masters Of Science (Chemical Engineering)
CEEM750	- Masters Of Science (Mechanical Engineering)
BA950	- Doctor Of Philosophy (Business Management)
LG950	- Doctor Of Philosophy (Applied Language Studies)
IC990	- Doctor Of Philosophy In Contemporary Islamic Studies
AS950	- Doctor Of Philosophy (Science)
CEEC950	- Doctor Of Philosophy (Civil Engineering)
CEEE950	- Doctor Of Philosophy (Electrical Engineering)
CEEM950	- Doctor Of Philosophy (Mechanical Engineering)

NILAI UNIVERSITI



NILAI UiTM

01

EXCELLENCE

Excellence (Kecemerlangan) merupakan cerminan kebersamaan, komitmen padu, semangat yang jitu, komunikasi yang efektif dalam menghasilkan solusi yang terbaik kepada stakeholder UiTM. Kecemerlangan sebagai pemacu utama untuk mencapai matlamat secara efisien dan berkesan demi menggarap potensi warga tanpa batas. Ilmu yang bermanfaat, keseimbangan ilmu dan warga yang mengamalkan nilai-nilai

02


SYNERGY

Synergy (Keterangkuman) bukan sahaja merujuk kepada komunikasi dan kerjasama yang efektif. UiTM menghargai perbezaan idea, kepakaran, latar belakang antara warga dan menghormati pendapat antara satu sama lain. UiTM berdedikasi dalam memberikan ruang dan peluang kepada warga untuk menggarap potensi mereka dalam merealisasikan visi dan misi Universiti.


03

INTEGRITY

UiTM percaya INTEGRITI merupakan nilai utama dalam komponen akhlak (etika) iaitu melibatkan amanah dan bertanggungjawab. Integriti juga merupakan elemen utama dalam menghasilkan produktiviti dengan cara yang jujur, adil, disiplin, telus dan hormat menghormati stakeholder dalam membina hubungan yang mampan



TADBIR URUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR



PENGURUSAN LAPOR DIRI

Berikut merupakan Senarai Semak Dokumen Laporan Diri Staf Baharu:

1. Pegawai menghantar Perakuan Pengesahan Penerimaan Jawatan 14 hari dari tarikh penerimaan Surat Tawaran.
2. Borang Biodata Peribadi Staf.
3. Borang Pemeriksaan Perubatan.
4. Borang Pemberitahuan Pekerja Baru Lembaga Hasil Dalam Negeri.
5. Surat Akuan Sumpah
6. Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972.
7. Borang Maklumat Perkhidmatan yang lepas dengan kerajaan/swasta.
8. Surat Perjanjian Perkhidmatan (Jawatan Kontrak sahaja).
9. Borang Soal Selidik Saringan Kontak Covid-19 Staf Baharu.

TATACARA PROSES LAPOR DIRI STAF BAHARU

LANGKAH 1:

1. Laporan diri pada jam 8:00 pagi.
2. Hantar dokumen laporan diri ke Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor (Kampus Segamat/Kampus Pasir Gudang).
3. Proses Penyemakan Dokumen

LANGKAH 2:

1. Laporan diri kepada Ketua Jabatan.
2. Hantar dokumen yang tidak lengkap kepada Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor (Kampus Segamat/Kampus Pasir Gudang).


LANGKAH 3:

1. Setelah mendapat Nombor Pekerja staf dikehendaki membuat kad pekerja di Unit Infostruktur, UiTM Cawangan Johor (Kampus Segamat/Kampus Pasir Gudang).
2. Daftar e-mel secara atas talian di Aduan Units laman sesawang UiTM Johor (<https://units.uitm.edu.my/>)
3. Untuk staf akademik daftar akses ke Sistem SiMS di Bahagian Hal Ehwal Akademik (Borang SiMS).

PENDAFTARAN e-VETTING

Seperti dinyatakan di dalam Surat Tawaran staf perlu mengisi maklumat Tapisan Keselamatan secara dalam talian di <https://evetting.cgso.gov.my/> dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh laporan diri. Sila hantar keputusan Tapisan Keselamatan ini ke Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor (Kampus Segamat/Kampus Pasir Gudang) untuk dikemaskinikan dalam rekod perkhidmatan.

Setelah menerima Surat tawaran:-



PAKAIAN SEMASA BEKERJA

ETIKA PAKAIAN PENJAWAT AWAM



Pekeliling Pendaftar, Bilangan 15 Tahun 2011

1. Pakaian wanita:

a) Pakaian yang dibenarkan:

- i. Semua wanita yang beragama Islam dikehendaki memakai baju kurung pada hari Isnin (Hari Korporat) dan Jumaat.
- ii. Semua staf digalakkan memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis.
- iii. Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja seperti baju kurung, sari/kebaya yang tidak terlalu ketat dan mendedahkan bahagian badan.
- iv. *Skirt Suit* (iaitu kain labuh dan blaus) atau *Pant Suit* (iaitu berseluar panjang dan blaus) adalah dibenarkan dengan syarat ianya harus diperbuat dari jenis kain dan warna yang sama. Potongan tidak terlalu ketat dan menjolok mata.
- v. Kasut tertutup atau lain-lain kasut yang mempunyai bentuk yang sesuai boleh dipakai.
- vi. Staf yang menghadiri majlis rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi majlis tersebut dan jika pakaian tidak ditentukan, hendaklah berpakaian dengan sepatutnya bagi majlis tersebut.

b) Pakaian yang tidak dibenarkan:

- i. *Jeans, slacks/pants* atau seluar pendek (termasuk seluar paras lutut) dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.
- ii. Padanan blaus dan seluar panjang yang diperbuat dari jenis kain dan warna yang berbeza tidak dibenarkan.
- iii. Selipar atau sandal tidak dibenarkan dipakai semasa bekerja.

- iv. Tidak dibenarkan memakai pakaian yang memberi sangkaan seolah-olah hendak menghadiri pesta atau bersantai.
- c) Staf wanita yang hamil:
 - i. Staf wanita yang hamil adalah tertakluk kepada etika pakaian yang sama. Walau bagaimanapun, jubah/maxi adalah dibenarkan.

2. Pakaian Lelaki

a) Pakaian yang dibenarkan:

- i. Staf lelaki dikehendaki memakai seluar panjang dan baju kemeja dengan warna yang sesuai; dan jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.
- ii. *Lounge suit* atau *bush jacket* dengan bahan kain yang sesuai adalah dibenarkan.
- iii. Pakaian Baju Melayu lengkap dengan bersamping atau pakaian baju mirip dengan potongan Baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.
- iv. Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya boleh dipakai. Capal boleh dikenakan dengan pakaian Baju Melayu yang lengkap bersamping.
- v. Staf yang menghadiri majlis rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi majlis tersebut dan jika pakaian tidak ditentukan, hendaklah berpakaian dengan sepatutnya bagi majlis tersebut.

b) Pakaian yang tidak dibenarkan:

- i. Pakaian Baju Melayu dengan kain sarong/pelekat adalah tidak dibenarkan.
- ii. Jeans atau seluar pendek (termasuk seluar paras lutut) tidak boleh dipakai semasa bekerja.
- iii. Selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak dibenarkan dipakai.
- iv. Tidak dibenarkan memakai pakaian yang kasual dan pakaian yang memberi sangkaan seolah-olah hendak menghadiri pesta atau bersantai.

SAHSIAH RUPA DIRI SEMASA BEKERJA DAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

1. Sahsia rupa diri staf lelaki/wanita:
 - i. Rambut hendaklah kemas, pendek (tidak melebihi kolar baju) dan tidak terbiar.
 - ii. Fesyen rambut mestilah melambangkan etika seorang staf UiTM dan tidak diwarnakan.
2. Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi mereka yang dibekalkan dengannya (contoh: Pengawal Keselamatan, Pembantu Operasi, Pemandu dan sebagainya).
3. Pengecualian pakaian berseluar hanyalah kepada staf yang terlibat dengan kerja-kerja luar (contoh: Jurutera, Jurukamera)

PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2024 PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKIAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

1. Aturan pakaian bagi Penjawat Awam Negeri Johor

1.1 Berikut adalah pakaian bagi Penjawat Awam Negeri Johor dengan merujuk Surat SUKJ.BPSM.600-11/25/8 Jilid 2(18) bertarikh 11 Disember 2024 untuk tempoh lima (5) hari bekerja:

HARI	PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN WANITA
Isnin	Baju Korporat	Baju Korporat / Baju Kurung Johor dan bertudung.
Selasa	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan bertudung (Islam). Sopan/Baju Kurung Johor/ Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)
Rabu	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan bertudung (Islam). Sopan/Baju Kurung Johor/ Pakaian Hormat Kebangsaan masing-masing (Bukan Islam)
Khamis	Baju Batik Lengan Panjang	Baju Kurung Johor Bercorak Batik dan bertudung (Islam). Baju Kurung Johor Bercorak Batik (Bukan Islam).
Jumaat	Baju Melayu Teluk Belanga (sepersalinan), Bersamping Berdagang Luar, Bersongkok dan Bersepatu.	Baju Kurung Johor dan bertudung (Islam).

1.2 Etika Pakaian Baju Korporat hendaklah seragam dengan kedudukan Jata Johor berada di bahagian utama kiri baju korporat. Turut diberi

keutamaan adalah logo jabatan atau logo-logo kedua berada di bahagian utama kanan baju korporat.

2. Pengecualian


2.1 Aturan pakaian ini tidak terpakai kepada pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau yang menghadiri istiadat atau majlis rasmi yang telah menetapkan pemakaian mengikut jenisnya.


2.2 Pengecualian juga diberi kepada pegawai awam yang sedang menerima rawatan atau telah diberi nasihat doktor perubatan kerajaan berhubung pakaian yang sesuai untuk ke tempat bertugas.

RINGKASAN SISTEM YANG DIGUNAPAKAI UiTM



HR2U






HR2U dibangunkan hasil usaha dan gabungan antara Pengurusan Sumber Manusia dengan Teknologi Maklumat melalui perisian HR. Ianya melibatkan pelbagai fungsi seperti Perancangan Sumber Manusia, Pengambilan dan penempatan staf, Pengesahan dalam Perkhidmatan, Pengurusan Perkhidmatan, Pengurusan Saraan, Kebajikan dan Kemudahan Staf, Perubatan, Peningkatan Kerjaya, Pengurusan Meninggalkan Perkhidmatan, Pelan Penggantian, Integriti, Pengurusan Psikologi, Analisa HR dan Sistem Penggajian.

- ✧ Menu Penilaian - khusus untuk urusan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan Pengesahan
- ✧ Menu Cuti - Permohonan Cuti
- ✧ Menu Pengurusan Waktu Bekerja - Pengesahan Kerja (Ketik Masuk/Keluar), Borang Keberadaan, Borang Keluar
- ✧ Menu Perubatan - Tuntutan Bayaran Balik Rawatan, Klinik Panel
- ✧ Dasar Pemisah - Pengenalpastian Saringan Pemantauan Intervensi Penilaian Prestasi Khas.
- ✧ Integriti - Surat Aku Janji, Pengisytiharan Harta dan Liabiliti, Pengisytiharan Syarikat, Kebenaran Memiliki Tanah, Permohonan Pekerjaan Luar, Tatatertib.

FINEPORTAL



Portal kewangan UiTM ini adalah untuk memantapkan lagi perkhidmatan Pejabat Bendahari dan sebagai saluran utama pelbagai informasi terkini yang ingin dikongsikan bersama untuk manfaat semua pelanggan pejabat ini khususnya dan Universiti amnya.

PEJABAT Bendahari

INFOGRAFIK KEMASKINI MAKLUMAT AKAUN BANK

Setiap pegawai baharu melaporkan diri di Universiti Teknologi MARA perlu mengemaskini maklumat akaun bank bagi tujuan pembayaran kepada staf di **FINCPortal**

<https://myfinancialsso.uitm.edu.my/fineportal/login>

1 LANGKAH 1


Log masuk menggunakan alamat email UITM dan kata laluan yang telah didaftarkan atas nama pegawai.





Apabila telah berjaya log masuk, pegawai akan dipaparkan dengan skrin seperti diatas.

2 LANGKAH 2



1. Pilih salah satu daripada bank berikut:

2. Masukkan no akaun bank.

3. Klik SIMPAN.

4. Klik CETAK untuk hantar salinan borang permohonan beserta salinan buku/penyata bank ke Unit Kewangan Zon / Jabatan Gaji & Kewangan Staf / Pejabat Bendahari UITM Cawangan untuk tujuan pengesahan.

3 LANGKAH 3

Sila bawa salinan borang permohonan dan buku/penyata Bank untuk pengesahan ke mana-mana Unit Kewangan Zon / Jabatan Gaji & Kewangan Staf / Pejabat Bendahari UITM Cawangan.

PEJABAT Bendahari

JABATAN GAJI & KEWANGAN STAF

03-8544 3365 / 3433 / 1398 / 1391 / 8580 / 3432

16

SISTEM STAR V3



Fungsi Portal i-Staf adalah untuk mengetahui pengumuman terkini, mengakses aplikasi atas talian, mengakses sistem sokongan (untuk staf yang dibenarkan oleh Pejabat Pendaftar sahaja), muat turun borang, capaian kepada emel rasmi UiTM, pautan kepada laman-laman web yang serta kalender untuk mengetahui aktiviti-aktiviti harian.


Menu Sistem eProses

- eKiosk Peribadi
- eBiasiswa PNP
- ePTM
- eBiasiswa Pelaksana
- ePengambilan Staf
- eKenaikan Pangkat
- eLatihan
- eKaunseling Staf
- ePermohonan Skim Khairat Kematian

Menu Sistem Sokongan:-

- eLantikan Akademia
- ePelekat Kenderaan Staf
- eInterprestasi
- Laporan Online

EMEL UiTM



Emel rasmi UiTM disediakan kepada semua staf UiTM bagi memudahkan untuk menyampaikan dan menyebarkan maklumat rasmi kepada staf UiTM yang memerlukannya.

WEB SSO



WEB SSO SIGN-IN

☒ Staff
 ☐ Student

[1st Time Login?](#) | [Forgot Password?](#) | [FAQ](#)
[Check Alternate Email](#)

Need Help?

[Visit Our FAQ Page on Youtube](#)

[FAQ Page](#)
[http://faqssu.uitm.edu.my](#)


[Youtube Tutorial](#)
 1. Access Application via WebSSO
 2. Self-Service Password Reset

[Support](#)
 Our support team will contact you once we received your ADUAN.
 Click [HERE](#) to create new ADUAN

Akses UiTM (UiTM Single Sign On) or WebSSO ialah perkhidmatan yang membolehkan pengguna memberikan nama pengguna dan kata laluan mereka sekali kepada semua perkhidmatan atas talian yang dipercayai dan memastikan identiti mereka diberikan secara selamat, konsisten dan lancar kepada banyak aplikasi web. Ia membolehkan staf UiTM menggunakan aplikasi web tertentu tanpa perlu masuk lebih daripada sekali setiap sesi.

TIME MANAGEMENT SYSTEM / PENGURUSAN MASA BEKERJA (TMS)

Google Apps yang perlu dimuat turun



TMS merupakan sistem atas talian yang akan merekod kehadiran staf UiTM. Ianya merupakan salah satu sub modul di dalam sistem HR2U. TMS telah menggantikan sistem-sistem rekod kehadiran secara manual yang digunakan sebelum ini. Ia berfungsi:

- ❖ Permohonan WBB untuk memilih Waktu Peringkat (WP) 1, 2, 3, atau 4 (termasuk WP 5, 6, 7 dan 8 sepanjang bulan Ramadhan).
- ❖ Ketik Masuk (*clock-in*) dan Ketik Keluar (*clock-out*).
- ❖ Mengisi lupa ketik (sekiranya berlaku perkara kecemasan atau hal-hal berkaitan).
- ❖ Mengisi pengesahan keberadaan (bagi rekod staf berada di urusan rasmi luar pejabat).
- ❖ Memantau pemegang Kad Perakam Waktu (KPW) samada staf adalah pemegang kad kuning, hijau atau merah.
- ❖ Memaklumkan staf dikenakan tindakan pentadbiran/menghadiri kaunseling sekiranya berlaku ketidakhadiran yang diteliti oleh pegawai.
- ❖ Membuat laporan kehadiran setiap bulan kepada Unit Intergriti.
- ❖ Semua staf boleh mengakses ke sistem TMS melalui pautan <https://hr2u.uitm.edu.my> dan boleh terus ke Menu Pengurusan Waktu Bekerja Berperingkat.
- ❖ Staf akademik tidak perlu memohon WBB dan keberadaan adalah mengikut rekod Ketik Masuk/Ketik Keluar yang mana pengiraan ATP seseorang pensyarah adalah minimum 39 jam seminggu bagi setiap semester pengajian sebagaimana Pekeliling Akademik Bil. 5 Tahun 2017: Pelaksanaan Amanah Tugasan Pensyarah (ATP3.0) Universiti Teknologi

MARA dan Pekeliling Akademik Bil. 4 Tahun 2019: Pelaksanaan Penyampaian Fleksibel di Universiti Teknologi MARA.

- ❖ Staf telah boleh mula Ketik Masuk dan Ketik Keluar mulai 1 Februari 2021 di mobile apps (bagi yang memiliki telefon pintar) atau web (bagi yang tidak mempunyai telefon pintar).

Untuk menggunakan aplikasi mudah alih HR2U ini, pengguna perlu muat turun aplikasi terlebih dahulu melalui pautan berikut:

Pengguna IOS: <https://hr2u.uitm.edu.my/hr2u/mobileapp.html>

Panduan pengguna IOS dalam memuat turun aplikasi dan konfigurasi tetapan boleh didapati di link yang tersedia diatas.

Pengguna Android :

<https://play.google.com/store/apps/details?id=my.edu.uitm.hr2u>

Pengguna Huawei : [Huawei PlayStore](#)


Klik pada 'Download'.

Install aplikasi yang telah dimuat turun ke dalam telefon mudah alih. Untuk konfigurasi di dalam telefon mudah alih, pilih Setting > Advance Setting > Security. Tandakan (tick) untuk unknown sources.

Nota : Konfigurasi mungkin berbeza untuk setiap model telefon mudah alih.

- ❖ Panduan disediakan untuk semua bagi pelaksanaan ini boleh dicapai di <https://hr2u.uitm.edu.my> - Panduan Pengurusan Waktu Bekerja
- ❖ Sekiranya terdapat sebarang masalah staf UiTM boleh menghubungi Moderator yang telah dilantik (Kampus Segamat atau Kampus Pasir Gudang)

SISTEM TEMPAHAN UiTM (*BOOKING SYSTEM UiTM/ BSU*)



Sistem Tempahan UiTM ini memberikan kemudahan untuk tempahan ruang (*space*), perisian (*software*), perkakasan (*equipment*), katerer (*caterer*), kenderaan (*transport*) dan maklumat (*information*).

SISTEM TEMPAHAN BILIK/DEWAN



UITM Booking System
Universiti Teknologi MARA

Login to Your Account

Use Chrome / Mozilla browser for best view

☒ Staff ☐ Student

Staff ID:

Password:

☐ Remember me

Home Page
Home

Note: For staff and students of UiTM, please use the same account to access the portal i-staff and student.

© 2017 Jabatan Infrastruktur, RPI, UiTM. All Rights Reserved.

Masukkan nombor pekerja

Masukkan Kata Laluan

Booking System
Universiti Teknologi MARA

Login to Your Account

[Use Chrome / Mozilla browser for best view](#)

☒ Staff ☐ Student

Staff ID

Password

☐ Remember me

Forgot your password?
Click here to retrieve your password.

Create an account

Note : For staff and students of UTM, please use the same account to access the portal i-staff and student.

© 2017 Jabatan Infrastruktur, PPI, UTM. All Rights Reserved.

Langkah 2
Pilih pilihan: i) Staf
ii) Student

*Log in menggunakan ID & Password "Staff Portal" @ "Student Portal"

Langkah 3
Pilih menu pilihan
"Space → New Space Booking"

My Dashboard

Home > Dashboard > My Dashboard

Space Reservation: 3
Equipment Reservation: 0
Software Reservation: 0
Catering Reservation: 0

My Space Calendar

March 2021

SUN	MON	TUE	WED	THU	FRI	SAT
23	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20 BOLA SEPAK RIADAH
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

New Space Booking

Home > Space > New Space Booking

Add Space

PERSONAL DETAILS

STAFF NO: 123456
NAME: ALI BIN BABA
POSITION: KERANI
DEPARTMENT/FACULTY: UTM KAMPUS PUNCAK ALAM
EMAIL: alibaba@utm.edu.my
TEL (OFFICE):

RESERVATION DETAILS

RESERVATION TITLE: BOLA SEPAK
REMARK: Riadah

ADD BOOKING

Langkah 4
Isi kotak "Reservation Title" & "Remark"

Reservation Title
Contoh: Bola Sepak

Remark
Contoh: Riadah

Seterusnya ketik "Add Booking"

Langkah 5

Isi kotak:

1. Campus:
Puncak Alam @ Puncak Perdana
2. Department:
UiTM Kampus Puncak Alam @ UiTM Kampus Puncak Perdana
3. Space Category:
Pilih Zon yang berkaitan.
4. Space Name:
Pilih kemudahan sukan yang ingin ditempah.
5. File Attachment:
Kad Staf @ Kad Pelajar @ Surat dari Jabatan/Fakulti (dalam format PDF sahaja).
6. Total Participants:
Jumlah orang yang akan menggunakan kemudahan tersebut.
7. Masukkan "Start Date"
8. Masukkan "Start Time"
9. Masukkan "End Date"
10. Masukkan "End Time"
11. Seterusnya ketik "Save"

No	Space Category	Space Name	Attachment	Date Start - Date End	Action
1	ZON E (ALAM BINA)	ZEAB 1.1 - PADANG BOLA SEPAK	Space543119632.pdf	25/03/2021 17:00 - 25/03/2021 18:00	Cancel

Langkah 6

Permohonan tempahan kemudahan sukan sudah diterima di dalam sistem.

Permohonan Tempahan Kenderaan UiTM

Tempahan kenderaan di UiTM Cawangan Johor boleh dilakukan secara atas talian melalui Sistem Tempahan UiTM (<https://bsu.uitm.edu.my>).





QR CODE UNTUK SISTEM TEMPAHAN

SISTEM MyATP

Sistem MyATP adalah sistem yang dibangun khusus untuk kegunaan semua Staf Akademik dalam memastikan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dapat dilakukan oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan juga Pegawai Penilai Kedua (PPK). Selain itu juga permohonan untuk kenaikan pangkat juga boleh dilakukan melalui sistem MyATP.

QR CODE UNTUK SISTEM MyATP

The image shows the MyATP login interface. At the top is the MyATP logo with the tagline 'AMANAH TUGAS PENSYARAH'. Below the logo is a 'Login' section with a green padlock icon and the text '(Please use your SIMS account to login)'. There are two input fields: 'username' and 'password'. Red arrows point from external text boxes to these fields. The 'username' field is labeled 'Masukkan nombor pekerja' (Enter employee number), and the 'password' field is labeled 'Masukkan Kata Laluan' (Enter Password). Below the input fields is a green 'Login' button. At the bottom of the login section, there is a link 'Recover Password' and a note about contacting the faculty or campus system admin. At the very bottom of the page, there is a copyright notice: '© 2018 Bahagian Hal Ehwal Akademik, Universiti Teknologi MARA. Hakcipta terpelihara.'



Semua Amanah Tugas Akademik, pencapaian, hasil penyelidikan, jawatan yang disandang dan lain-lain pencapaian hendaklah direkodkan ke sistem MyATP.

Ianya akan diambilkira semasa Laporan Nilain Prestasi Tahunan dilakukan dan ianya juga boleh diambilkira sebagai bukti semasa permohonan kenaikan pangkat.

PENGURUSAN PELANTIKAN

Pelantikan ke dalam Perkhidmatan

Pelantikan staf di UiTM Cawangan Johor (Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang) dalam perkhidmatan awam dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) sama ada secara tetap, sementara atau kontrak. Semua pelantikan dibuat berdasarkan merit yang mana hanya calon-calon yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan berjaya dalam tapisan pengambilan akan dilantik dalam perkhidmatan awam. Rujukan mengenai skim perkhidmatan dalam sektor awam boleh dibuat berdasarkan Lampiran B7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan pekeliling-pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Penetapan Gaji Permulaan

Seseorang pegawai yang dilantik akan ditawarkan gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya. Pertimbangan untuk mendapatkan gaji permulaan lebih tinggi ditentukan oleh PBM berdasarkan:

- i. Pengalaman relevan; dan
- ii. Kelayakan atau bakat.

Pemohonan Semakan Gaji Permulaan

1. Seseorang Pegawai yang mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang ditawarkan boleh mengemukakan dokumen berikut dalam tempoh masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh lapor diri bagi membolehkan pihak pengurusan Universiti memberikan pertimbangan ke atas permohonan semakan gaji permulaan.

- i. Surat Rasmi dari Penama
- ii. Surat Pengesahan Majikan terdahulu
- iii. Salinan Rekod Perkhidmatan (Kerajaan/Badan Berkanun)
- iv. Salinan Syarat-syarat Perkhidmatan

PEMBAYARAN GAJI

1. Pembayaran gaji bulanan staf diuruskan oleh Bahagian Gaji, Pejabat Bendahari melalui 2 cara iaitu:
 - i. Dikreditkan ke akaun bank staf
 - ii. Melalui cek untuk staf yang akan berhenti/memberi notis berhenti
2. Pembayaran gaji yang dikreditkan ke akaun bank staf adalah melalui bank-bank berikut:
 - i. Maybank Berhad

- ii. CIMB Bank
- iii. Bank Simpanan Nasional
- iv. Affin Bank Berhad
- v. Bank Islam Malaysia Berhad
- vi. Bank Muamalat Malaysia Berhad

TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

- ❖ Tarikh pergerakan gaji tahunan staf yang dilantik atau tukar lantik atau naik pangkat atau disahkan dalam perkhidmatan (berdenda) ditetapkan kepada empat (4) tarikh pergerakan seperti berikut:

TARIKH LANTIK/TUKAR LANTIK/NAIK PANGKAT/DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN (BERDENDA)	TARIKH PERGERAKAN GAJI
1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari
1 April hingga 30 Jun	1 April
1 Julai hingga 30 September	1 Julai
1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober

- ❖ Pergerakan gaji tahunan staf adalah tidak secara automatik dan akan ditetapkan berdasarkan kepada Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).
- ❖ Staf yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji tidak lebih dari 180 hari dalam satu tahun kalender adalah layak dipertimbangkan pergerakan gaji biasa.
- ❖ Staf yang tidak melaksanakan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) mengikut tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang difikirkan munasabah tidak akan dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan (PGT) dan boleh dicadangkan untuk dikenakan tindakan tatatertib.

BANTUAN SARA HIDUP (COLA)/BISH

Mulai 1 Januari 2016 Bantuan Sara Hidup diberikan kepada Pegawai Layak seperti berikut:-

- ❖ Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan
- ❖ Lantikan tetap, sementara, sambilan, sangkut, kontrak dan guru sandaran.
- ❖ Diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh.
- ❖ Diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh.
- ❖ Diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian.
- ❖ Diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada pegawai yang tidak diperuntukkan Rumah Kerajaan.

Bil.	Lokasi	Pengurusan & Profesional (RM)	Pelaksana (RM)
1.	Kampus Segamat	250.00	300.00
2.	Kampus Pasir Gudang	300.00	350.00

PENGURUSAN DISIPLIN


Pekerjaan luar

- ❖ Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] memperuntukkan bahawa seseorang staf tidak boleh melakukan pekerjaan luar melainkan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan.
- ❖ Garis panduan ini digubal berasaskan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan merupakan satu kaedah bagi mengurangkan bilangan aduan mengenai staf melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran.

Garis Panduan Melakukan Pekerjaan Luar

Pekerjaan luar bermaksud:

- ❖ Mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa perusahaan komersial, pertanian atau perindustrian.
- ❖ Mengusahakan bagi mendapatkan apa-apa upah, apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian.
- ❖ Sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan bayaran upah.



WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB)/ PENGURUSAN WAKTU BEKERJA

Setiap staf UiTM perlu mematuhi Waktu Bekerja Berperingkat (WBB)/Pengurusan Waktu Bekerja yang telah diluluskan oleh Ketua Bahagian. Waktu Bekerja Berperingkat merupakan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang digunakan di seluruh Agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara dan ia juga dilaksanakan di UiTM.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Pengarah Universiti (LPU) ke-162 telah meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2017 di UiTM. Permohonan WBB boleh dibuat melalui sistem HR2U. Permohonan ini akan dibuka pada bulan Disember setiap tahun bagi penggunaan WBB pada tahun berikutnya.

Berikut disertakan jadual WBB yang digunakan di UiTM

Jadual 1 : Hari dan Tempoh Waktu Bekerja

NEGERI	HARI	TEMPOH BEKERJA	HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI REHAT MINGGUAN
Kedah, Kelantan dan Terengganu	Ahad hingga Rabu	9 jam	Hari Jumaat merupakan hari rehat mingguan manakala hari Sabtu merupakan hari kelepasan mingguan.
	Khamis	7 jam 30 minit	
Johor, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	Isnin hingga Khamis	9 jam	Hari Sabtu merupakan hari rehat mingguan manakala hari Ahad merupakan hari kelepasan mingguan.
	Jumaat	7 jam 30 minit	

Jadual 2: WBB di UiTM Cawangan Johor

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP 1	Isnin hingga Jumaat	7:30 pagi - 4:30 petang	Isnin hingga Khamis 1:00 tengah hari - 2:00 petang Jumaat 12:15 tengah hari hingga 2:45 petang
WP2	Isnin hingga Jumaat	8:00 pagi - 5:00 petang	
WP 3	Isnin hingga Jumaat	8:30 pagi - 5:30 petang	
WP 4	Isnin hingga Jumaat	9:00 pagi - 6:00 petang	

Jadual 3: WBB Bulan Ramadhan di UiTM Cawangan Johor

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP 5	Isnin hingga Jumaat	7:30 pagi - 4:00 petang	Isnin hingga Khamis 1:00 tengah hari hingga 1:30 tengah hari Jumaat 12:30 tengah hari hingga 2:30 petang
WP 6	Isnin hingga Jumaat	8:00 pagi - 4:30 petang	
WP 7	Isnin hingga Jumaat	8:30 pagi - 5:00 petang	
WP 8	Isnin hingga Jumaat	9:00 pagi - 6:00 petang	

Setiap staf dikehendaki untuk mengisi Surat Aku Janji UiTM sebaik sahaja melapor diri di Bahagian Pentadbiran.

[illegible]

Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] memperuntukkan bahawa seseorang pegawai hendaklah mengisytiharkan secara atas talian melalui sistem HR2U. Segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri, atau suaminya atau anaknya atau dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suami atau anaknya.

Semua staf Universiti Teknologi MARA hendaklah mengisytiharkan harta dan liabiliti mengikut ketetapan seperti di bawah:

- ❖ Dalam tempoh tiga puluh (30) hari dilantik dalam perkhidmatan.
- ❖ Pada bila-bila masa dikehendaki oleh Universiti.
- ❖ Apabila memperolehi harta baru/pertambahan harta.
- ❖ Apabila melupuskan harta.
- ❖ Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh terakhir pengisytiharan harta dan liabiliti telah dibuat.

BORANG PERISYTIHARAN HARTA & LIABILITI

Panduan Mengisi Borang Perisytiharan Harta & Liabiliti di HR2U

1. LOGIN HR2U



2. KLIK PADA PAUTAN INTEGRITI



3. LENGKAPKAN 5 TAB SKRIN BPHL



4. KLIK BUTANG 'SIMPAN & HANTAR'



5. BUKU PANDUAN BOLEH DILIHAT DI TAB PANDUAN > INTEGRITI > BPHL > MANUAL PENGGUNA



TATATERTIB DAN SURCAJ

Semua staf Universiti adalah tertakluk kepada Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas staf yang melanggar peraturan, tatakelakuan serta larangan-larangan yang terdapat dalam Akta 605 dan Peraturan Universiti.

Merujuk Peraturan 40, Jadual Kedua, Akta 605, Jawatankuasa Tatatertib boleh mengenakan ke atas seseorang staf yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman berikut:

- Amaran
- Denda
- Lucut hak emolumen
- Tangguh pergerakan gaji
- Turun gaji
- Turun pangkat
- Buang kerja

PENGURUSAN PERKHIDMATAN DAN PRESTASI

Tempoh Percubaan

- Setiap staf akan diberikan tempoh percubaan selama 1 tahun hingga 3 tahun.
- Dalam tempoh percubaan, staf perlu menghadiri Program Transformasi Minda (PTM).
- Membuat Tapisan Keselamatan (e-vetting).
- Melepasi peperiksaan perkhidmatan (yang berkaitan).

Syarat Utama Pengesahan

- Telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya sama ada tempoh percubaan asal satu (1) hingga tiga (3) tahun atau dilanjutkan
- Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda/Induksi/ program-program lain yang setaraf dengannya.
- Lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan.
- Diperakukan layak untuk disahkan ke dalam perkhidmatan oleh Ketua Jabatan.
- Melepasi tapisan keselamatan (e-vetting).

Syarat-syarat tambahan

- Staf yang telah berkhidmat selama satu (1) tahun tetapi kurang dari dua (2) tahun perlu memperolehi markah minimum 85% dalam penilaian prestasi tahunan.
- Staf yang telah berkhidmat selama dua (2) tahun tetapi kurang dari tiga (3) tahun perlu memperolehi markah minimum 80% dalam penilaian prestasi tahunan.
- Staf yang telah berkhidmat selama tiga (3) tahun atau lebih perlu memperolehi markah minimum 75% dalam penilaian prestasi tahunan.
- Staf boleh mohon di sistem HR2U.

Pemberian Taraf Bekerja Pencen

Perbandingan di antara Skim Pencen dan Skim KWSP

PERKARA	PENCEN	KWSP
Caruman KWSP	Tiada	Ada : Pekerja dan majikan
Caruman PTB	Ada : Majikan	Tiada
Kos Rawatan Perubatan Selepas Bersara	Ada	Tiada sekiranya Bersara Pilihan Ada sekiranya Bersara Paksa
Pencen Bulanan	Ada	Tiada

Ganjaran	Ada	Tiada
Gantian Cuti Rehat (jika ada)	Ada	Ada

- **Perkiraan Pencen:**
 $1/600 \times \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira} \times \text{gaji hakiki bulanan yang akhir diterima.}$
- **Perkiraan Ganjaran:**
 $7.5\% \times \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira} \times \text{gaji hakiki bulanan yang akhir diterima.}$
- **Perkiraan Gantian Cuti Rehat:**
 $1/30 \times \text{Bilangan Cuti Rehat yang Dikumpul (tidak melebihi 150 hari)} \times \text{gaji akhir (termasuk imbuhan).}$

Umur Wajib Bersara (Akta Pencen 1980 [Akta 227])

- Umur Bersara Wajib bagi staf lelaki dan perempuan adalah 58 tahun dan 60 tahun manakala Umur Bersara Secara Pilihan Sendiri adalah 40 tahun (telah berkhidmat 10 tahun di UiTM).
- Permohonan Bersara Pilihan perlu dimajukan kepada Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Johor, enam (6) bulan sebelum tarikh bersara pilihan.
- Permohonan bersara atas sebab kesihatan bermaksud Pegawai yang pada pandangan Ketua Jabatan tidak dapat melaksanakan tugas-tugas hakikinya disebabkan penyakitnya, boleh dibersarakan atas sebab kesihatan.

Permohonan Ambil Kira Perkhidmatan Lepas (AKPL)

Tempoh perkhidmatan pegawai di jabatan lama (Kerajaan/Badan Berkanun) yang boleh diambilkira untuk diagregatkan dengan perkhidmatan sekarang di UiTM bagi faedah persaraan, kenaikan pangkat dan permohonan cuti belajar khas pegawai perubatan dan pegawai pergigian.

Permohonan peletakan jawatan pegawai yang diberi kelulusan dengan keizinan oleh Ketua Jabatan untuk berkhidmat di Perkhidmatan Awam/Badan Berkanun baru. Kelulusan ini mestilah telah direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai dengan menyatakan tarikh kuatkuasa pelepasan pegawai ke perkhidmatan baru. Sekiranya pegawai tidak memperolehi pelepasan dengan izin, tempoh perkhidmatan pegawai yang terdahulu tidak akan diambilkira untuk faedah persaraan.

Syarat Permohonan Ambil Kira Perkhidmatan Lepas (AKPL)

- Telah disahkan jawatan sekarang (di UiTM dan bukan di jabatan lama)
- Memilih skim perkhidmatan berpencen (Perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2021)
- Telah diberi kelulusan peletakan jawatan dan pelepasan jawatan dengan izin dari jabatan lain (Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1980). Lantikan sebelum 28 Januari 2015.
- Bekas Anggota Tentera perlu mengisi Borang Persetujuan untuk membayar balik Ganjaran/Saguhati/Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilasi/Caruman Tabung Angkatan Tentera yang telah diterima semasa tamat perkhidmatan tentera.

PERTUKARAN STAF

Semua permohonan pertukaran staf di dalam Universiti diselaraskan oleh pihak pengurusan dalam Mesyuarat Penyelarasan Pertukaran yang dijadualkan dua (2) kali setahun.

PROSEDUR PERMOHONAN PERTUKARAN

1. Pemohon perlu membuat surat rasmi memohon pertukaran melalui Ketua Jabatan dan disertakan bersama dokumen sokongan sekiranya ada.
2. Permohonan tersebut perlu dihantar ke Unit Pembangunan Organisasi melalui Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor untuk dibawa ke Mesyuarat Penyelarasan Pertukaran.
3. Unit Pembangunan Organisasi akan memaklumkan keputusan mesyuarat pertukaran kepada pemohon dan akan menyemak borang tuntutan perpindahan bagi calon yang layak untuk dimajukan ke pihak Pejabat Bendahari bagi tujuan bayaran.

PROSES PENYEDIAAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) DAN LAPORAN NILAIAN PENILAIAN TAHUNAN (LNPT)

Syarat penyediaan borang Penilaian:

- ❖ Mempunyai emel rasmi UiTM.
- ❖ Telah mengemaskini pegawai atasan iaitu Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK).
- ❖ Pegawai berstatus Aktif sebelum proses penjaan borang oleh pihak urusetia.

Sasaran Kerja Tahunan Awal Tahun (SKT Awal Tahun)

- ❖ Pegawai Yang Dinilai (PYD) menerima notifikasi di HR2U dan UiTM gmail.
- ❖ Pegawai Yang Dinilai (PYD) melengkapkan Sasaran Kerja Tahunan setelah berbincang dengan Pegawai Penilai Pertama (PPP).
- ❖ Klik SIMPAN LENGKAP di semua bahagian.

- ❖ Klik HANTAR borang kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP).
- ❖ Pegawai Penilai Pertama (PPP) menerima notifikasi di HR2U dan UiTM Gmail.
- ❖ Menyemak Sasaran Kerja Tahunan PYD dan kembalikan kepada PYD sekiranya perlu pengemaskinian.
- ❖ Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- ❖ Klik HANTAR.
- ❖ PPP klik LULUS sekiranya semua Sasaran Kerja Tahunan menepati jawatan dan tanggungjawab hakiki PYD.

Kajian Pertengahan Tahun

- ❖ PYD menerima notifikasi di HR2U dan UiTM gmail.
- ❖ PYD perlu berbincang dengan PPP untuk sebarang penambahbaikan SKT.
- ❖ Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- ❖ Klik HANTAR borang kepada PPP.
- ❖ PPP menerima notifikasi di HR2U dan UiTM Gmail.
- ❖ Menyemak Kajian Pertengahan Tahun PYD dan kembalikan semua kepada PYD sekiranya perlu pengemaskinian.
- ❖ Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- ❖ Klik HANTAR.

Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) pada akhir tahun

- ❖ PYD menerima notifikasi di HR2U dan UiTM Gmail.
- ❖ PYD melaksanakan penilaian sendiri.
- ❖ Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- ❖ Klik HANTAR borang kepada PPP untuk dinilai.
- ❖ PPP menerima notifikasi di HR2U dan UiTM Gmail.
- ❖ PPP membuat penilaian sendiri kepada PYD dan memberi markah.
- ❖ PPP membuat perbincangan dengan PYD tentang markah penilaian.
- ❖ Klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- ❖ PPP klik HANTAR. Borang akan dihantar kepada Pegawai Penilai Kedua (PPK).
- ❖ PPK menerima notifikasi di HR2U dan UiTM Gmail.
- ❖ PPK membuat penilaian sendiri kepada PYD dan memberi markah.
- ❖ PPK klik SIMPAN LENGKAP untuk semua bahagian.
- ❖ PPK klik HANTAR. Borang akan dihantar kepada PYD untuk setuju terima markah.
- ❖ PYD klik SETUJU terima markah dan klik HANTAR.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

APC boleh dipertimbangkan kepada staf UiTM Cawangan Johor yang sedang berkhidmat sama ada secara tetap, sementara atau kontrak dengan syarat berikut:

- i. Telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian.

- ii. Mendapat markah sebanyak 85% dan lebih dalam penilaian prestasi tahun berkenaan.
- iii. Diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).
- iv. Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib atau mempunyai rekod jenayah.
- v. Kuota bagi pencalonan tidak boleh melebihi 8% dari jumlah keseluruhan staf (tetap, sementara atau kontrak pada tahun berkenaan).
- vi. Namun demikian keputusan muktamad pemilihan adalah kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia yang akan bersidang.

KENAIKAN PANGKAT

Seseorang staf hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat sebarang kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.

Syarat am kenaikan pangkat (Peraturan-peraturan Pegawai Awam: Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan Tahun 2012)

- Disahkan dalam perkhidmatan.
- Telah mengisytiharkan harta dan liabiliti (setiap 5 tahun).
- Telah menandatangani Surat Aku Janji.
- Bebas dari tindakan tatatertib atau mahkamah.
- Memenuhi 42 jam latihan.
- Diperakui oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

Pemangkuan dan Penanggungan Kerja

